



Ruj.Kami : KDN.R.03/465/40 Klt.19 (43)
Tarikh : 16 September 2008

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Pihak berkuasa Tempatan
Semua Penghuni Sasaran Penting/ Kawasan Larangan & Tempat
Larangan

ARAHAN KESELAMATAN JAWATANKUASA PUSAT SASARAN PENTING BIL. 1 TAHUN 2008

ARAHAN KESELAMATAN BERHUBUNG PEMBINAAN INFRASTRUKTUR DAN BANGUNAN BERHAMPIRAN SASARAN PENTING, KAWASAN LARANGAN DAN TEMPAT LARANGAN

TUJUAN

Arahan Keselamatan ini bertujuan untuk memaklumkan tindakan yang perlu diambil oleh agensi-agensi pelaksana ke atas pembinaan infrastruktur dan bangunan yang berhampiran dengan Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan. Arahan Keselamatan ini perlu supaya infrastruktur dan bangunan-bangunan yang dibina itu tidak memberi peluang pihak-pihak yang berkenaan melakukan sabotaj terhadap sesuatu Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan yang boleh menyebabkan kerugian yang amat besar kepada ekonomi, pertahanan atau keselamatan negara atau menjaskan fungsi kerajaan dan imej negara.

SULIT

2. Di samping itu, Arahan Keselamatan ini bukan bertujuan untuk menghalang pembangunan negara, malahan memberi khidmat nasihat keselamatan kepada kedua-dua pihak samada pihak pemaju ataupun penghuni Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan bagi menentukan supaya hasil keluaran dan perkhidmatan kedua-duanya tidak terjejas.

LATARBELAKANG

3. Dalam usaha memacu pembangunan negara secara mampan dan terurus, Kerajaan juga sedang giat mengusahakan perancangan beberapa Koridor pembangunan seperti Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di selatan Johor, Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) sebagai satu usaha untuk mempercepatkan pembangunan negara menjelang Wawasan 2020. Oleh yang demikian, setelah kajian dan penelitian dibuat berhubung dengan perkara ini didapati agensi-agensi yang telah diberi kebenaran untuk melaksanakan pembangunan tersebut tidak mempunyai garis panduan keselamatan sebagai rujukan. Oleh kerana itu adalah dikhawatiri agensi-agensi tersebut akan melaksanakan projek-projek pembinaan bangunan tanpa mengambil kira ancaman yang mungkin timbul terhadap Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan yang berhampiran.

TAFSIRAN

"Sasaran Penting" termasuklah apa-apa jua pepasangan yang hasil keluaran atau perkhidmatannya adalah sangat penting dan sekiranya berlaku kemusnahan atau kerosakan akan menyebabkan kerugian yang amat besar kepada ekonomi, pertahanan atau keselamatan negara atau menjaskan fungsi kerajaan dan imej negara.

SULIT

"Kawasan Larangan" suatu kawasan yang diisyitiharkan di bawah seksyen 4, Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri dengan tujuan untuk mengadakan peraturan khas supaya diwujudkan suatu system kawalan terhadap pergerakan dan juga kelakuan orang yang berada di dalam kawasan tersebut.

"Tempat Larangan" suatu tempat yang diisyitiharkan di bawah seksyen 5, Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri supaya system pengawalan dan pengawasan khas diadakan sebagai langkah pencegahan untuk mengelakkan orang-orang yang tidak dibenarkan dari memasuki tempat tersebut.

"Sabotaj" satu perbuatan atau omitan bertujuan menyebabkan kerosakan fizikal untuk kepentingan-kepentingan sesebuah kuasa asing atau sesuatu tujuan politik yang subversive. Sabotaj mungkin boleh dilakukan pada masa aman atau perang. Dalam masa aman sabotaj mungkin boleh dilakukan oleh orang perseorangan yang bersimpati dengan tujuan-tujuan kuasa-kuasa yang tidak berbaik dengan Malaysia dan ianya mungkin merupakan atau tidak merupakan suatu kempen yang teratur. Pada masa peperangan sabotaj berkemungkinan besar dilakukan mengikut suatu rancangan yang teratur dan rancangan ini mungkin pula sebagai sebahagian atau permulaan daripada suatu rancangan yang lebih besar untuk melumpuhkan pertahanan negara.

SYARAT-SYARAT PEMBINAAN INFRASTRUKTUR DAN BANGUNAN BERHAMPIRAN SASARAN PENTING, KAWASAN LARANGAN DAN TEMPAT LARANGAN

4. Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting yang telah diluluskan oleh Jemaah menteri melalui Arahan Tetap Sasaran Penting pada 13 Oktober 1993 bagi menangani sebarang ancaman keselamatan

SULIT

adalah kuasa pusat bagi menentukan sebarang keputusan berkaitan pembangunan infrastruktur dan bangunan berhampiran dengan Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan. Semua infrastruktur dan bangunan yang dicadangkan pembinaannya hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut:

- 4.1 Semua infrastruktur dan bangunan yang dicadangkan untuk pembinaan berhampiran dengan Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan hendaklah dirujuk kepada Urusetia Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting sebelum kebenaran atau kelulusan diberikan atas cadangan pembinaan bangunan tersebut.
- 4.2 Agensi-agensi yang bertanggungjawab memberi kebenaran berhubung dengan pembinaan bangunan-bangunan dan kerja-kerja yang berkaitan hendaklah menentukan supaya pihak pemaju mematuhi akan keputusan dan syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Urusetia Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting.

PERHUBUNGAN

5. Keterangan lanjut berkaitan Arahan Keselamatan ini hendaklah dirujuk kepada Urusetia Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting seperti di alamat seperti berikut:

Urusetia Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan
Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras 1 & 2, Blok B7
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya

SULIT

PEMBATALAN

6. Dengan berkuatkuasanya Arahan Keselamatan ini, Arahan Keselamatan Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting Bil 1 Tahun 1985 bertarikh 6 Februari 1985 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang Ikhlas,



TAN SRI ABDUL AZIZ MOHD YUSOF

Ketua Setiausaha,
Kementerian Dalam Negeri
Merangkap Penggerusi Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting

s.k

Y.BHG. TAN SRI MOHD SIDEK BIN HAJI HASSAN

Ketua Setiausaha Negara
Pejabat Ketua Setiausaha Negara
Aras 4, Blok Timur
Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA